

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN  
IDRIS [ JERANTUT ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengadakan Pegawai Penerangan Pelancongan bagi setiap kawasan Parlimen dan jika tiada, nyatakan bagaimanakah penerangan yang berkesan dapat disampaikan kepada pelancong-pelancong yang datang.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak berhasrat untuk mengadakan Pegawai Penerangan Pelancongan bagi setiap kawasan Parlimen. Perjawatan yang ada sekarang sudah memadai. Untuk makluman, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) mempunyai 14 buah pejabat di seluruh negara, sebuah Pusat Penerangan Pelancongan di Jalan Ampang, Kuala Lumpur; manakala Tourism Malaysia sebuah agensi di bawah KPK mempunyai 14 buah pejabat negeri, 24 buah Pusat Penerangan Pelancongan di seluruh negara dan 43 pejabat perwakilan di seluruh dunia memainkan perana penting dalam memberi penerangan dan penjelasan berhubung industri pelancongan Malaysia. Pelancong-pelancong juga boleh menghubungi talian bebas tol 1300-88-5050, akses laman web [www.tourismmalaysia.gov.my](http://www.tourismmalaysia.gov.my), [www.vmy2014.com](http://www.vmy2014.com), [www.info@motac.gov.my](mailto:www.info@motac.gov.my), laman media sosial facebook Cuti-cuti 1Malaysia dan twitter untuk mendapatkan maklumat pelancongan. Tambahan lagi program-program promosi yang dijalankan di dalam dan luar negeri serta promosi / iklan / kempen melalui media elektronik, cetak, edaran brosur, media sosial dan lain-lain lagi telah membantu meningkatkan kedatangan pelancong ke Malaysia setiap tahun.

Sekian, terima kasih.